

Penerbit USIM menang anugerah MAPIM

SEREMBAN 14 Mei - Buat julung kalinya, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya memenangi Anugerah Buku Terbaik (Kemanusiaan dan Sains Sosial (KSS)) untuk buku bertajuk *Yusuf Al-Qaradawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia*.

Anugerah itu diterima pada Majlis Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) 2012 di Putrajaya, baru-baru ini.

Kemenangan itu melayakkan penulis buku tersebut, Dr. Mohd. Rumaizuddin Ghazali yang juga pensyarah Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP) USIM memenangi hadiah utama kategori tersebut iaitu wang tunai RM12,000, trofi dan sijil.

Penerbit USIM turut menerima RM3,000 berserta sijil dan trofi.

Kejayaan itu menjadi tanda aras yang bermakna kepada Penerbit USIM kerana berjaya membolosi tempat yang selalu didominasi oleh rakan penerbit dari universiti-universiti yang lebih 'senior'.